

SIARAN MEDIA

SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA CADANG DAGANG NET DIDENDA RM 17.4 JUTA KERANA SALAHGUNA KUASA MONOPOLI

KUALA LUMPUR, 11 JULAI 2018 – Pada 10 Julai 2018, Suruhanjaya Persaingan Malaysia ("Suruhanjaya") telah mengeluarkan Keputusan Cadangan terhadap Dagang Net Technologies Sdn Bhd ("Dagang Net"). Dagang Net didapati telah melanggar Seksyen 10(1) yang dibaca Seksyen 10(2)(c) Akta Persaingan 2010 dengan menyalahgunakan kedudukan dominannya dalam penyediaan kemudahan perkhidmatan perdagangan bagi "National Single Window", dimana Dagang Net didapati enggan membekalkan peti mel elektronik kepada pengguna Sistem Maklumat Kastam dan juga mengenakan sekatan kemasukan ke tahap yang boleh memudaratkan persaingan.

Suruhanjaya memulakan penyiasatan ke atas Dagang Net berdasarkan aduan-aduan yang diterima oleh Suruhanjaya. Hasil penyiasatan mendapati bahawa Dagang Net telah menyalahgunakan kedudukan monopolinya dengan enggan untuk membekalkan peti mel elektronik baru dan/atau tambahan kepada pengguna Sistem Maklumat Kastam yang menggunakan perisian "front-end" dari pembekal-pembekal penyelesaian perisian yang didakwa bukan merupakan rakan perniagaan Dagang Net yang sah.

Dagang Net juga didapati telah mengenakan klausa eksklusif kepada rakan-rakan perniagaannya yang memberi kesan seperti mengganggu proses persaingan di dalam pasaran yang akan datang dengan mewujudkan sekatan kemasukan bagi pesaing Dagang Net di dalam pasaran dan akan menjadikan pesaing-pesaing yang lain kurang cekap apabila bersaing bersama Dagang Net.

Pemberian konsesi yang boleh mengakibatkan berlakunya monopoli secara langsung atau tidak langsung adalah dalam bidang kuasa dan budi bicara Kerajaan. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat situasi penyalahgunaan kedudukan monopoli, Suruhanjaya akan bertindak selaras dengan kuasa di bawah seksyen 10 Akta

Persaingan 2010 untuk mengekang pelakuan anti-persaingan tersebut. Kes ini menunjukkan usaha dan komitmen Suruhanjaya dalam usaha untuk membendung isu penyalahgunaan kedudukan monopoli di Malaysia seterusnya menyokong usaha Kerajaan untuk memastikan pasaran terbuka yang bertunjangkan ketelusan, tadbir urus korporat yang baik dan perlakuan perniagaan yang beretika.

Rejim Persaingan yang utuh akan memberikan manfaat yang signifikan dan menyeluruh kepada pengguna dalam jangka masa yang panjang dan pendek seperti harga yang kompetitif, penambahbaikan kualiti produk dan perkhidmatan, galakan inovasi dan memastikan kepelbagaian pilihan untuk pengguna.

Dalam kes terhadap Dagang Net, Suruhanjaya mencadangkan untuk mengenakan penalti kewangan sebanyak RM17,397,695.30. Di samping itu, Suruhanjaya mencadangkan untuk mengenakan arahan kepada Dagang Net untuk berhenti dan menghentikan pelanggaran dan apa-apa tingkah laku yang boleh mengganggu proses persaingan di dalam pasaran masa kini dan masa hadapan. Suruhanjaya juga mencadangkan agar pengarah-pengarah dan pihak pengurusan kanan Dagang Net dan syarikat-syarikat yang berkaitan dengan Dagang Net menjalani program pematuhan undang-undang persaingan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh Keputusan Cadangan.

Keputusan Cadangan tersebut adalah notis bertulis yang membentangkan fakta-fakta di mana Suruhanjaya telah membuat penilaian yang diperlukan di dalam mengeluarkan Keputusan Cadangan tersebut. Keputusan Cadangan tersebut dikeluarkan kepada perusahaan berkenaan untuk membantu mereka didalam membuat representasi dan memberikan maklumat lain bagi menyokong representasi mereka kepada Suruhanjaya.

Di dalam hal ini, syarikat berkenaan mempunyai tiga puluh hari (30) dari tarikh penerimaan Keputusan Cadangan tersebut dan membuat representasi mereka kepada Suruhanjaya. Suruhanjaya kemudiannya akan membuat keputusan muktamad setelah mempertimbangkan representasi tersebut serta semua maklumat dan bukti yang ada.

Akta Persaingan 2010 telah mula berkuatkuasa pada 1 Januari 2012 dan dengan demikian, perusahaan sepatutnya mematuhi peruntukan yang termaktub didalam Akta tersebut.

--tamat--

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Noorliza Abdul Latiff, Tel +603 2273 2277 (ext 111), Email: noorliza@mycc.gov.my

Bahagian Hal Ehwal Korporat

Suruhanjaya Persaingan Malaysia

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (Suruhanjaya)

Ditubuhkan pada April 2011, Suruhanjaya ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk menggalakkan persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan.

Akta ini digunakan kepada semua aktiviti komersil yang ditanggung didalam dan diluar Malaysia yang boleh menjelaskan persaingan di pasaran Malaysia. Ia memberikan satu rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan penalti-penalti kepada pesalah undang-undang persaingan.

Untuk maklumat lanjut tentang Akta dan Suruhanjaya, sila rujuk laman sesawang www.mycc.gov.my.

Nota Untuk Pengarang:

Seksyen 2 Akta Persaingan 2010 menyatakan definisi “kedudukan dominan” seperti berikut: “Kedudukan dominan ertiinya suatu keadaan yang dalamnya satu perusahaan atau lebih mempunyai kuasa yang signifikan dalam suatu pasaran untuk melaraskan harga atau output atau terma perdagangan, tanpa kekangan yang berkesan daripada pesaing atau pesaing berpotensi.”

1. Butiran Seksyen 10 Akta Persaingan 2010:

Penyalahgunaan Kedudukan Dominan adalah dilarang.

10. (1) *Suatu perusahaan adalah dilarang untuk terlibat, sama ada secara sendirian atau kolektif, dalam apa-apa perlakuan yang berupa suatu penyalahgunaan kedudukan dominan dalam mana-mana pasaran bagi barang atau perkhidmatan.*
- (2) *Tanpa menjelaskan keluasan subseksyen (1), suatu penyalahgunaan kedudukan dominan boleh termasuk—*
 - (a) *secara langsung atau tidak langsung mengenakan harga belian atau jualan yang tidak adil atau syarat perdagangan lain yang tidak adil ke atas pembekal atau pelanggan;*
 - (b) *membataskan atau mengawal—*
 - (i) *pengeluaran;*
 - (ii) *saluran keluar pasaran atau capaian pasaran;*
 - (iii) *pembangunan teknikal atau teknologi; atau*
 - (iv) *pelaburan, sehingga memudaratkan pengguna;*
 - (c) *enggan untuk membekalkan kepada suatu perusahaan atau kumpulan atau kategori perusahaan tertentu;*
 - (d) *mengenakan syarat yang berlainan kepada transaksi yang setara dengan pihak perdagangan yang lain ke suatu taraf yang boleh—*

- (i) tidak menggalakkan kemasukan baru ke dalam pasaran atau pengembangan atau pelaburan oleh pesaing yang sedia ada;
- (ii) memaksa keluar dari pasaran atau selainnya merosakkan secara serius seorang pesaing yang sedia ada yang kurang cekapnya berbanding dengan perusahaan dalam kedudukan dominan itu; atau
- (iii) memudarangkan persaingan dalam apa-apa pasaran yang disertai oleh perusahaan yang dominan itu atau dalam apa-apa pasaran hiliran atau huluan;
- (e) menjadikan pengikatan kontrak tertakluk kepada penerimaan oleh pihak lain akan syarat tambahan yang atas sifatnya atau menurut kegunaan komersial tidak mempunyai kaitan dengan hal perkara kontrak itu;
- (f) berkelakuan seakan pemangsa terhadap pesaing; atau
- (g) membeli barang perantaraan atau sumber yang terhad bekalannya yang dikehendaki oleh seorang pesaing, dalam hal keadaan yang perusahaan dalam kedudukan dominan itu tidak mempunyai justifikasi komersial yang munasabah untuk membeli barang perantaraan atau sumber itu untuk memenuhi keperluannya sendiri.

2. Butiran Seksyen 36 Akta Persaingan 2010:

Cadangan keputusan oleh Suruhanjaya

36. (1) Jika, selepas selesai penyiasatan, Suruhanjaya bercadang untuk membuat suatu keputusan bahawa salah satu larangan di bawah Bahagian II telah atau sedang dilanggar, Suruhanjaya hendaklah memberikan notis bertulis mengenai keputusan yang dicadangkannya kepada setiap perusahaan yang mungkin tersentuh secara langsung oleh keputusan itu.

(2) *Notis itu hendaklah—*

- (a) menyatakan sebab bagi keputusan yang dicadangkan oleh Suruhanjaya dengan perincian yang mencukupi bagi membolehkan perusahaan yang kepadanya notis itu diberikan mempunyai prospek yang benar dan mencukupi untuk membolehkannya membuat komen mengenai keputusan yang dicadangkan berdasarkan maklumat yang diketahui;
- (b) menyatakan apa-apa penalti atau tindakan pembetulan yang dicadangkan untuk dipakai oleh Suruhanjaya; dan
- (c) memberitahu setiap perusahaan yang kepadanya notis itu diberikan bahawa perusahaan itu boleh, dalam apa-apa tempoh yang munasabah sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu—
 - (i) mengemukakan representasi bertulis kepada Suruhanjaya; dan
 - (ii) menunjukkan sama ada perusahaan itu berhasrat untuk membuat representasi lisan di hadapan Suruhanjaya.